

## MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada tahun 1997 sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara-perkara Syariah berhubung dengan kewangan Islam di Malaysia. MPS telah diberikan mandat untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan perbankan Islam, takaful, kewangan Islam, pembangunan kewangan Islam atau perniagaan lain yang berlandaskan prinsip Syariah yang di bawah kawal seliaan Bank Negara Malaysia. MPS sebagai badan rujukan dan penasihat Bank Negara Malaysia berhubung dengan perkara Syariah juga bertanggungjawab untuk mengesahkan semua produk perbankan Islam dan takaful bagi memastikan produk-produk tersebut mematuhi prinsip Syariah. Selain itu, MPS juga berperanan sebagai penasihat Bank Negara Malaysia berhubung dengan isu-isu berkaitan dengan urusan niaga atau urusan kewangan Islam Bank Negara Malaysia dan badan-badan berkaitan yang lain.

Berdasarkan peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 2009, peranan dan fungsi MPS telah diperkukuh lagi dengan pemberian status badan berautoriti tunggal dalam menentukan perkara-perkara Syariah berhubung dengan perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam. Keputusan MPS bukan sahaja terpakai bagi institusi kewangan Islam, malah juga oleh mahkamah dan penimbang tara yang perlu merujuk kepada keputusan MPS untuk setiap prosiding yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam, dan juga memperakui bahawa keputusan MPS adalah mengikat.

MPS dianggotai oleh para ilmuwan Syariah dan pakar kewangan Islam terkemuka, yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang kewangan dan perundangan Islam.